

B543

MAHATHIR-EKONOMI

1981

KUALA LUMPUR, 13 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN ADALAH PENTING BAGI SEMUA ORANG ISLAM MELIBATKAN DIRI DALAM SEMUA BIDANG EKONOMI UNTUK MEMPASTIKAN MEREKA MENGUASAI BIDANG-BIDANG LAIN.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA KEKUASAAN EKONOMI AMAT PERLU KERANA JIKA MEREKA MENGASINGKAN DIRI DARI BIDANG ITU KEMUNGKINAN EKONOMI MEREKA DI MASA DEPAN AKAN TERJEJAS.

TEGASNYA BIDANG EKONOMI ADALAH SATU BIDANG YANG TIDAK BOLEH DIKETEPI ATAU DIBELAKANGKAN KERANA KEKUATAN EKONOMI JUGA MERUPAKAN KEKUATAN KERAJAAN.

BERUCAP MERASMIKAN MUKTAMAR KETIGA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PEREMPUNAN ISLAM MALAYSIA YANG BERTEMAKAN WANITA ISLAM DENGAN EKONOMI, BELIAU BERKATA BAHAWA WANITA ISLAM HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM USAHA MENGUKUHKAN EKONOMI DAN MEMPASTIKAN IA TIDAK TERJEJAS.

WANITA TELAH MEMBUKTIKAN KEUPAYAAN DALAM BIDANG POLITIK DAN MEREKA JUGA HENDAKLAH BERBUAT DEMIKIAN DALAM BIDANG EKONOMI.  
—BERSAMBUNG 1520/HM

MAHATHIR-EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

TEGASNYA, PERANAN WANITA YANG PENTING IALAH DALAM SEGI PENDIDIKAN NILAI-NILAI YANG BAIK YANG JUGA TERMASUK DALAM BIDANG EKONOMI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KEMUNDURAN YANG BERLAKU SEKARANG BERPUNCA DARI PENYEMAIAN NILAI-NILAI YANG TIDAK PATUT ADA.

MASALAH YANG DINADAPI SEKARANG JUGA KERANA KEUTAMAAN DIBERI KEPADA MENDAPATKAN KEUNTUNGAN DAN FAEDAH SERTA MERTA DAN MENGENEPIKAN KEUNTUNGAN KEBELAKANGAN.

KATANYA NILAI-NILAI BAIK YANG PERLU DITEKANKAN IALAH KEUNTUNGAN DAN FAEDAH KEBELAKANGAN ADALAH LEBIH KUKUH DARI YANG DIDAPATI SERTA MERTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU LAGI PENEKANAN YANG PERLU IALAH BEKERJA BUKAN SEMATA-MATA UNTUK PENDAPATAN TETAPI ADALAH SATU KEBAIKAN. —BERSAMBUNG 1523/HM

B545

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ORANG-ORANG YANG TERKENAL DENGAN KUAT BEKERJA ADALAH DIKENHENDAKI OLEH SEMUA GOLONGAN TETAPI BANGSA YANG MALAS AKAN KETINGGALAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA YANG PENTING IALAH MENIMBULKAN MINAT SERTA KECEKAPAN DALAM SESUATU BIDANG PEKERJAAN DAN CARA YANG PALING BERKESAN MELAKUKANNYA BERULANG-ULANG.

SEBELUM ITU PENERUSI JAWATANKUASA PENGOLALA MUKTAMAR DATIN ZAKIAH HANUM BERKATA MUKTAMAT TERSEBUT BERTUJUAN MEMPERLUASKAN PENGETAHUAN DAN ILMU WANITA ISLAM UNTUK MEMBANTU MEMBANGUNKAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI KESELURUHANNYA.

TUJUH KERTAS KERJA AKAN DIBENTANGKAN DI MUKTAMAR TIGA HARI ITU. —BERNAMA 1523/HM